

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]
NO SOALAN : 507**

SOALAN BERTULIS

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sama ada rancangan untuk struktur semula RTM untuk menyediakan program dan perkhidmatan penyiaran yang lebih berkualiti. Jika ya, apa projek akan dilancarkan pada tahun ini untuk mencapai objektif tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam konteks penerbitan kandungan kreatif yang berkualiti, Kementerian melalui FINAS senantiasanya memberi penekanan kepada usaha pembangunan skrip, idea dan penceritaan yang memberi impak kepada penonton. Sekretariat Dana Kandungan Digital (DKD) di bawah kelolaan FINAS, sentiasa memastikan setiap projek yang mendapat dana dinilai dari pelbagai aspek termasuklah kandungan skrip dan lakon layar agar kualiti sesebuah penerbitan memenuhi standard dan citarasa penonton.
2. Di samping itu, terdapat juga Program Pemeriksaan Modal Insan dijalankan di FINAS seperti Program Perkongsian Idea bagi menggalakkan pembangunan skrip, idea dan penceritaan. Bermula tahun 2017 hingga 2018 sebanyak 30 program perkongsian idea telah diadakan dengan penyertaan seramai 1,604 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang dalam industri kreatif tempatan.